

# RM34.81 juta laksana 137 projek naik taraf sekolah tahfiz pondok

**Ipoh:** Kerajaan meluluskan peruntukan RM34.81 juta bagi melaksanakan 137 projek pembaikan kecil pondok dan sekolah tahfiz di seluruh negara, termasuk lapan di Perak sebagai usaha mengintegrasikan aspek kerohanian serta akhlak dalam sistem pendidikan negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata peruntukan itu akan digunakan untuk kerja-kerja pembaikan segera kemudahan asas seperti bumbung, tandas dan bilik darjah bagi memastikan keselesaan pelajar di institusi pondok dan tahfiz yang telah lama menjadi benteng kekuatan ilmu serta akhlak umat.

“Beberapa sekolah pondok, kita lihat keadaan itu sangat daif, jadi kita ada urutan beberapa pondok yang kita senaraikan sekarang, ada 137 pondok termasuk lapan pondok di Perak.

“Ini yang kita bagi keutamaan dulu dan saya sedang merencanakan selepas mengumumkan Belanjawan 2026 semalam, bagaimana boleh kita tambah supaya semua kemudahan itu sampai ke sekolah,” katanya ketika berucap pada Kenduri Rakyat Bersama Warga Institut Pendidikan Islam (Tahfiz/Pondok) Negeri Perak di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, keutamaan itu diberikan kerana kerajaan tidak hanya fokus kepada soal kemajuan, tetapi turut memberikan perhatian terhadap pembangunan rohani dan pendidikan anak-anak sejajar aspirasi pembangunan modal insan MADANI.

Anwar yang juga Menteri Kewangan, berkata langkah itu sebahagian dasar Kerajaan MADANI bagi memulihkan semula bantuan kepada sekolah agama rakyat yang pernah dihentikan sejak 2003.

“Maka sejak 2022, saya ambil alih dengan kerjasama kawan-kawan dalam Kerajaan Perpaduan ini, saya sudah kembalikan balik peruntukan kepada sekolah-sekolah agama rakyat,” katanya.

Anwar turut menyeru institusi pondok dan tahfiz di negara ini agar melakukan penyesuaian dengan perkembangan semasa dengan menguasai teknologi digital dan kecerdasan buatan (AI) agar tidak ketinggalan dalam arus perubahan global.

Katanya, penguasaan teknologi baharu itu penting bagi memastikan institusi pondok kekal relevan sebagai benteng akidah, akhlak dan pemikiran Islam serta tidak terpinggir dalam gelombang penjajahan bentuk baharu melalui teknologi.